

[HADITH PALSU] HADITH-HADITH YANG MENYATAKAN KELEBIHAN ORANG YANG BERNAMA MUHAMMAD ATAU AHMAD SEMUANYA PALSU



<https://youtu.be/1WlO-9QIaAI>

VIDEO – [Durasi – 14m 59s] – [HADIS PALSU] – Untuk dapat berkat, kalau ada yang bernama Muhammad, wajib ajak dia masuk meeting!

[HADITH PALSU] HADITH-HADITH YANG MENYATAKAN KELEBIHAN ORANG YANG BERNAMA MUHAMMAD ATAU AHMAD SEMUANYA PALSU

CONTOH HADITH MAUDHU' (PALSU)

1. [00:00:54] – HADITH PALSU PERTAMA

“Aku bersumpah atas diri-Ku (Aku berjanji) bahawa tidak akan masuk neraka orang yang bernama Ahmad dan Muhammad”

[00:01:26] – KOMENTAR HADITH PALSU PERTAMA

i. Perawi-perawi yang ada di dalam sanad hadith palsu ini tidak dikenali, dan walaupun dikenali, dia adalah pendusta besar, dajjal, pereka hadith dan Syiah yang melampau.

ii. Hadith ini terdapat di dalam kitab-kitab yang mengumpulkan hadith-hadith palsu.

iii. Hadith ini bercanggah dengan ajaran Nabi s.a.w. yang menyatakan neraka tidak dapat dihindari dengan nama-nama dan gelaran-gelaran tertentu tetapi ianya dapat dihindari dengan iman dan amal shaleh.

2. [00:02:40] – HADITH PALSU KEDUA

“Kepapaan tidak akan masuk ke dalam rumah yang ada namaku di dalamnya”. [Hadith ini terdapat di dalam kitab-kitab yang menghimpunkan hadith-hadith palsu]

[00:03:18] – KOMENTAR HADITH PALSU KEDUA

i. Perawi-perawi di dalam sanad hadith ini dituduh sebagai pereka hadith. Hadith ini bercanggah dengan kenyataan, di mana kaya atau miskin seseorang tidak bergantung kepada adanya namanya “Muhammad” di dalam rumah mereka. Hadith ini terdapat hanya di dalam kitab-kitab hadith yang mengumpulkan hadith maudhu’ dan ini juga membuktikan kepalsuannya.

ii. Apakah maksud sebenar “ada namaku (Nabi) di dalam rumah”? Adakah ianya bermaksud nama yang tergantung di dinding atau ada orang yang bernama Muhammad di dalam rumah? Apapun maksudnya, kenyataannya tiada kesan dengan adanya nama Muhammad di dalam rumah terhadap kaya atau miskinnya seseorang. Cuma ditakuti sekiranya ada yang percaya dengan hadith ini, orang akan menggantung nama Muhammad di rumah-rumah demi untuk mendapat berkat (sebagaimana orang menggantung logo capal). Perbuatan ini dikhuatiri menghampiri syirik.

iii. Sahabat-sahabat Nabi s.a.w. tidak mengamalkan hadith ini, membuktikan kepalsuannya dan begitu juga ianya tidak diamalkan oleh masyarakat kita.

3. [00:07:08] – HADITH PALSU KETIGA

“Tidak berkumpul mana-mana kaum sama sekali untuk bermesyuarat, sedangkan ada di antara mereka seorang yang bernama Muhammad, tetapi mereka tidak memasukkannya dalam mesyuarat mereka, melainkan mesyuarat mereka tidak diberkati”. [Hadith ini terdapat di dalam kitab-kitab yang mengumpulkan hadith-hadith palsu]

[00:07:49] – KOMENTAR HADITH PALSU KETIGA

- i. Tokoh-tokoh hadith telah menghukumkan hadith ini sebagai dusta dan maudhu’ (palsu).
- ii. Hadith ini tidak praktikal, kerana untuk mendapat keberkatan, seseorang perlu menghadiri mesyuarat semata-mata kerana namanya Muhammad, padahal dia bukan yang layak menghadiri mesyuarat tersebut.
- iii. Hadith palsu ini memberi imej buruk tentang Islam kepada orang bukan Islam dan memeningkan kepala orang Islam sendiri!

4. [00:09:01] – HADITH PALSU KEEMPAT

“Sesiapa mendapat tiga orang anak laki-laki, tetapi ia tidak memberi nama Muhammad kepada seorang pun daripadanya, bererti ia memang jahil”

[00:09:35] – KOMENTAR HADITH PALSU KEEMPAT

- i. Perawi-perawi hadith ini dalam beberapa saluran terdiri dari mereka yang dituduh sebagai pendusta besar dan pereka hadith.
- ii. Ramai Sahabat termasuk Saidina Umar r.hu. tidak mengamalkan hadith ini.
- iii. Hadith ini bercanggah dengan ajaran al-Quran yang menyatakan kejayaan seseorang di akhirat adalah iman dan amal solehnya, bukannya nama dan gelarnya.

NOTA HUJUNG

1. [00:11:23] NAMA-NAMA ANAK YANG BAIK

Antara nama-nama yang baik adalah 'Abdullah, 'Abdur Rahman, 'Abdur Rahim dan al-Harits. Hadith sahih menyebut, "Sesungguhnya nama yang paling baik ialah 'Abdullah, 'Abdur Rahman dan al-Harits".

(Artikel selingan – Kesalahan-kesalahan Dalam Memberi Nama –

<https://asasislam.home.blog/2019/06/18/kesalahan-kesalahan-dalam-memberi-nama/>)

2. [00:12:16] – DIBOLEHKAN MENAMAKAN ANAK DENGAN MUHAMMAD ATAU AHMAD TETAPI TIDAK BOLEH PERCAYA ADANYA KELEBIHAN TERTENTU KERANA SEMATA-MATA NAMA SEPERTI YANG DISEBUT DALAM HADITH PALSU

Harus menamakan anak dengan nama-nama nabi termasuk nama nabi kita Muhammad kerana rasa kasih kita kepada mereka dan keinginan untuk mengikut jejak langkah mereka. Apa yang dipertikaikan ialah mempercayai nama-nama tersebut mempunyai kelebihan tertentu. Sebagai perbandingan, begitu juga halnya dengan amalan selawat ke atas Nabi s.a.w. Ulama' tidak mempertikaikan kebaikan selawat itu sendiri tetapi menolak fadilat-fadilat yang direka atas amalan tersebut.

VIDEO PENUH ASAL – • Sesi 77- Tiada Hadith Sahih Kelebih...